Headline Lebih 1,000 profesor dijangka hadiri Kongres Profesor Negara
Date 16 Jun 2011
MediaTitle Utusan Malaysia
Section Dlm Negeri
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 197,952 / 833,287
Language Malay
Page No 28
Article Size 130 cm²
Color Black/white
ADValue 1,694
PRValue 5,082



# Lebih 1,000 profesor dijangka hadiri Kongres Profesor Negara

KUALA LUMPUR 15 Jun - Majlis Profesor Negara (MPN) akan menganjurkan Kongres Profesor Negara yang akan melibatkan lebih 1,000 profesor tempatan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada 6 dan 7 Julai ini.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang juga Pengarah kongres tersebut, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, kongres itu perlu digunakan oleh golongan tersebut untuk memberi pelbagai pandangan berdasarkan kepakaran mereka bagi membantu kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program transformasi.

"Dengan kepakaran dan ilmu pengetahuan yang ada pada golongan tersebut, idea dan cadangan yang diberikan mampu melicinkan usaha kerajaan merealisasi agenda transformasi negara.

"Apa yang diharapkan, resolusi daripada perbincangan tersebut dapat didengar oleh pemimpin negara dalam melakukan penambahbaikan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Kongres tersebut dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak manakala majlis penutupan akan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Tambahnya, dengan memperhalusi agenda transformasi negara, pertemuan tersebut dapat memperkukuh jaringan kerjasama di kalangan profesor dalam membahaskan agenda tersebut dari perspektif ilmu sejagat.

Apa yang menarik, kata Mohamed Mustafa, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dijangka hadir dan memberi pandangan mengenai Malaysia sesudah mencapai Wawasan 2020.

Antara yang turut menyampaikan taklimat pada kongres tersebut ialah penerima Anugerah Profesor Ulung Negara, Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin dan Penasihat Sains Kerajaan, Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakri Abdul Hamid.

Dua penceramah antarabangsa yang turut diundang ialah Prof. Dr. Michael E. Porter dari Universiti Harvard dan sarjana Myanmar yang pernah bertugas dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Prof. May Htun.